

buletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara



**Keluaran
Januari - Mac**

Buletin JPN kini lebih berinformasi!
Ikuti media sosial rasmi JPN untuk
perkembangan terkini!

www.jpn.gov.my
twitter: @jpn_official
instagram: @jpn_official

01

/2019

PERUTUSAN KETUA PENGARAH



YBHG. DATO MOHAMMAD RAZIN
BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH PENDAFTARAN
NEGARA

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM
SEJAHTERA

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, Buletin JPN Bil. 1 Tahun 2019 berjaya dikeluarkan. Ini merupakan kali terakhir saya mencoretkan Perutusan sebagai Ketua Pengarah Pendaftaran Negara sebelum bersara wajib pada 05 April 2019.

Sememangnya penempatan saya di JPN merupakan suatu pengalaman yang luar biasa dan paling berharga sekali. Sebagai agensi barisan hadapan yang mana fungsi utamanya adalah memberi perkhidmatan kepada rakyat, satu kepuasan dirasai di setiap penghujung hari apabila dapat membantu rakyat yang dalam kesusahan.

Saya amat kagum dengan komitmen dari semua peringkat termasuklah Pihak Pengurusan hingga Kumpulan Pelaksana. Suasana kekeluargaan yang kuat amat dirasai walaupun dihimpit dengan tugas seharian melayani ekspektasi pelanggan dan terpaksa mengimbangi penyampaian perkhidmatan tersebut dengan menjunjung Akta/ Peraturan semasa demi memelihara keselamatan serta kesejahteraan negara. Pelbagai cabaran dan isu yang mendatang diharungi bersama dan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pelbagai transformasi untuk JPN terus dinamik serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Segala pencapaian yang diperoleh di dalam dan luar negara merupakan bukti bahawa usaha keras semua dihargai. Saya akan sentiasa mendoakan agar JPN akan terus cemerlang dan dipermudahkan segala tugas.

Terima kasih yang tidak terhingga atas sokongan dan kerjasama yang telah dicurahkan selama ini demi kelangsungan perkhidmatan JPN. Tiada kata yang sesuai untuk diluahkan setimpal dengan pengalaman yang saya kutip selama berkhidmat di JPN. Hanya Allah SWT sahaja yang boleh membalas jasa warga JPN semua. Yang baik datangnya dari Allah SWT dan yang buruk itu dari kekhilafan diri saya jua.

Terima kasih.

PENA KETUA EDITOR

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buletin JPN Bil. 1/2019 telah berjaya diterbitkan.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas di atas dedikasi dan kesungguhan Ahli Jawatankuasa Buletin dalam merealisasikan penerbitan buletin ini.

Pada penerbitan kali ini pula Buletin JPN mengimbas sorotan aktiviti-aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Januari - Mac 2019 buat tatapan para pembaca seperti lawatan Program Warisan & Kesenian, lawatan pengauditan EKSA oleh pihak MAMPU dan liputan sekitar majlis perpisahan serta persaraan pengurusan atasan JPN.

Akhirul kalam, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam penerbitan buletin edisi ini. Diharap usaha dan kerjasama ini akan dapat berterusan pada masa akan datang bagi memastikan kelangsungan penerbitan Buletin JPN.



FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI
KETUA EDITOR

Sekian, terima kasih.

EDITORIAL

TERBITAN
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia Ibu Pejabat, No. 20,
Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat
Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62551 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Telefon: +603 8000 8000
Faksimili: +603 8880 8288
Email: pro@JPN.gov.my
Web: www.JPN.gov.my

PENAUNG
YBhg. Dato' Mohd Razin Bin Abdullah

PENASIHAT
YBrs, Tuan Mohamad Khir Bin Mat Lazim
YBrs. Tuan Hj Jasri Bin Kasim

KETUA EDITOR
Puan Fara Maya Binti Ahmad Jelani

PENOLONG KETUA EDITOR
Zuraini Binti Abdul Karim

SIDANG PENGARANG BAHAGIAN
BKA, BKP, BKW, BPL, BTM, BPM, UKK, UI, BKPK, BPR, BSK.

JPN NEGERI
Johor, Kedah Kelantan, Melaka, N.Sembilan, Pahang,
P.Pinang, Selangor, Terengganu, Sabah, Sarawak, WP
Kuala Lumpur, WP Labuan.

JURU GAMBAR
Amirul Mohamad Sazli Bin Kamaruzaman

GRAFIK/REKALETAK
Mohd Firdaus Bin Mohd Fauzi

URUSETIA & EDARAN
Unit Komunikasi Korporat



ISI KANDUNGAN

04	KAEDAH-KAEDAH KELAHIRAN DAN KEMATIAN 2019
06	PROGRAM WARISAN DAN KEBUDAYAAN
08	MEKAR TIOMAN
10	MEKAR REDANG
12	PENGECUALIAN FI PERMOHONAN
12	LIPUTAN MEDIA
13	PENDAFTAR HEDJAZ
13	PROGRAM TRAIN OF TRAINERS (TOT)
14	BENGKEL LESEN PERKAHWINAN
14	PERKAHWINAN BERLESEN AKTA 164
15	PERHIMPUNAN FEBRUARI 2019
16	EKSA PERDANA
16	PERKAHWINAN DI LUAR PEJABAT
17	LAWATAN KILANG YAKULT
18	KURSUS PENGAUDITAN EKSA
18	LAWATAN DARI IMM
19	KURSUS PENGHASILAN LAPORAN
20	BENGKEL MENJAWAB ADUAN
20	KURSUS KPI 30 MINIT
21	KURSUS PENGAWAL KESELAMATAN
22	PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR
23	HARI RELA
24	RTM 73 TAHUN
24	SELAMAT TINGGAL FSECURE
25	TOT PANTAI TIMUR
25	MYGOVUC
26	SELAMAT BERSARA RMC
26	BELAKANG TABIR FWK
27	PANTAU CAWANGAN
28	MAULIDUR RASUL JPN JOHOR
28	SANTUNI RAKYAT
28	KARNIVAL KEUSAHAWANAN
29	LAWATAN KERJA TMDN
30	FESTIVAL SASTERA IKHTISAS
30	MEKAR PONTIAN
30	SPARKLE
31	MAJLIS APRESIASI JPN KEDAH



31	JPN BERSAMA PENDUDUK KULIM
32	KPPN KE LANGKAWI
32	JPN BERSAMA RAKYAT BALING
33	BERTEMU PELANGGAN MELAKA
34	BUDI DISANJUNG BAKTI DIJUNJUNG
34	WARISAN KOMPANG MELAKA
35	KUNJUNGAN KE IPD MELAKA TENGAH
35	OUTREACH NEGERI MELAKA
36	KAWAN, PERMUDAHKAN URUSAN
36	BAJU BAHARU PASUKAN OUTREACH
37	KPPN KE PAHANG
38	OPERASI 5 SERANGKAI
38	TAKLIMAT MY12
39	PERAK BERHIMPUN
39	HARI BERTEMU PELANGGAN
39	MESYUARAT KETUA PEJABAT
40	MAKNA JPN
40	TAKLIMAT KESIHATAN CUEPACS
41	KUNJUNGAN HORMAT ADUN JERAM
41	KONFLIK RUMAH-TANGGA DAN PENYELE-SAIAN
42	PERHIMPUNAN DAN DIALOG JPNT
42	PANGGILAN KAABAH
43	PULAU REDANG OUTREACH
44	PROGRAM HARI BERTEMU RAKYAT DAERAH KUDAT
44	MANGSA KEBAKAR-AN DAPAT MYKAD
44	SEKALUNG KASIH, SEJUTA MAKNA
45	SIMPANAN MASA HADAPAN
46	TIJAU CAWANGAN SARAWAK
46	SALAM PERPISAHAN DAN TERIMA KASIH
47	MAKAN MALAM BERSAMA TKSU KDN
47	PERHIMPUNAN BULANAN MAC
48	BENGKEL JURUAUDIT EKSA-DIY
48	MAJLIS BACAAN YASIN JPN KL
48	PANTAU PORTFOLIO
49	PERKAHWINAN HARI KEKASIH



KAEDAH-KAEDAH KELAHIRAN DAN KEMATIAN 2019

Kadar fi yang baharu telah dikuatkuasakan di dalam Kaedah-kaedah Kelahiran Dan Kematian 2019 selaras dengan pindaan Akta 299 (Pindaan) 2017

Putrajaya • 1 Mac

Kadar fi yang baharu telah dikuatkuasakan di dalam Kaedah-kaedah Kelahiran Dan Kematian 2019 selaras dengan pindaan Akta 299 (Pindaan) 2017 yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 18 Mac 2019. Kaedah baharu ini dijangka akan menjadi satu undang-undang subsidiari baharu yang lebih komprehensif dan terkini yang dapat menerangkan dengan lengkap mengenai prosedur urusniaga-urusniaga di Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat. Selain itu, dapat memastikan penyeragaman ke atas dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memproses sebarang permohonan di bawah Akta 299.

Selaras dengan perubahan semasa dan transformasi perkhidmatan awam, terdapat 148 buah kaunter pendaftar kelahiran dan kematian beroperasi di pejabat JPN di seluruh Semenanjung Malaysia. Malah sesetengah kaunter tersebut turut beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad. Perkara ini sewajarnya memudahkan orang awam untuk mempercepatkan pendaftaran dan tidak memandang remeh kepentingan untuk mendaftarkan kelahiran dan kematian yang

berlaku. Kadar fi ini diharap dapat memastikan orang awam agar lebih peka, memandang serius dan tidak melengah-lengahkan pendaftaran kelahiran dan kematian.

Sebagai tambahan, sejak pindaan Akta 299 berkuatkuasa pada 1 Ogos lalu, pendaftaran kelahiran dan kematian kini tidak hanya boleh dilakukan di kawasan kelahiran dan kematian tersebut berlaku. Malah pendaftaran boleh dilakukan di mana-mana pejabat JPN di Semenanjung Malaysia. Hal ini tidak wajar dijadikan alasan oleh ibu bapa, waris atau pemaklum untuk melewatkan urusan pendaftaran kelahiran dan kematian di pejabat JPN.

Perkembangan dan pertumbuhan ekonomi turut diambil kira dalam menetapkan kadar bayaran fi termasuk bayaran fi bagi pendaftaran lewat kelahiran dan kematian, pindaan nama, pendaftaran semula kelahiran, pembetulan atau pindaan maklumat dan kesilapan, carian dan cabutan yang bakal dikenakan kepada pemohon, adalah wajar supaya kadar bayaran fi baharu disemak semula mengikut perubahan nilai mata wang dan ekonomi semasa.

KADAR FI BAHARU URUSAN PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN

Bagi semenanjung Malaysia

	BUTIR - BUTIR	FI (RM)
1	Permohonan bagi PENDAFTARAN LEWAT KELAHIRAN ATAU KEMATIAN.	RM 50.00
2	Permohonan bagi pendaftaran atau pengubahan nama kanak-kanak sebelum habis tempoh SATU TAHUN dari tarikh kelahirannya.	RM 5.00
3	Permohonan bagi pendaftaran kanak-kanak yang namanya telah didaftarkan TANPA NAMA selepas dua belas bulan dari tarikh kelahirannya.	RM 50.00
4	Permohonan bagi pendaftaran nama orang yang telah mencapai umur dua puluh satu tahun yang kelahirannya telah didaftarkan TANPA NAMA.	RM 50.00
5	Permohonan bagi pendaftaran kelahiran orang DISAHTARAFKAN selepas habis tempoh tiga bulan dari tarikh orang itu disahtarafkan.	RM 50.00
6	Permohonan bagi CARIAN.	RM 10.00
7	Permohonan bagi SALINAN SIJIL yang diperakui.	RM 5.00
8	Permohonan bagi PEMBETULAN KESILAPAN FAKTA ATAU ISI dalam daftar.	RM 50.00


PROGRAM WARISAN DAN KEBUDAYAAN

Mencetus kesedaran dan semangat dalam memulihara, mengekalkan dan merakmatkan warisan seni budaya Negara.

Putrajaya • 15 Mac

Bahagian Latihan, JPN Putrajaya telah menganjurkan Program Warisan dan Kebudayaan melibatkan para pegawai dari Ibu Pejabat Putrajaya dan seluruh pejabat JPN. Program ini bertujuan untuk mencetus kesedaran dan semangat dalam memulihara, mengekalkan dan merakmatkan warisan seni budaya Negara.





MEKAR TIOMAN

Program Menyemai Kasih Rakyat khususnya masyarakat orang asli di Pulau Tioman, Pahang.



Pulau Tioman • 02 Mac

YBhg Dato' Mohammad Razin Bin Abdullah (KPPN) telah hadir ke JPN Cawangan Pulau Tioman yang berada di Kampung Tekek, Tioman bagi merasmikan Operasi Harian kepada petugas Mobile Berkala. Majlis perasmian telah dihadiri oleh Ketua-ketua Agensi dalam Tioman, Penghulu Tioman dan Ketua-ketua Kampung di Pulau Tioman.

Program Mekar ini juga turut dihadiri oleh Pengarah JPN Pahang, Puan Juzilawati Binti Kamarudin, Penolong Pengarah Negeri Pahang, Encik Mohd Azwar Bin Ghani serta Pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya.

Pada sebelah pagi, wakil JPN Pahang telah memberi Taklimat My12 di Sek.Keb Tekek, Tioman. Taklimat tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan memiliki kad pengenalan dan prosedur untuk memohon kad pengenalan buat kali pertama.

Selepas program pelancaran tersebut, Dato' KPPN telah turun padang ke rumah penerima melalui program Mobile Ehsan JPN Pahang bagi menyerahkan MyKad kepada seorang warga emas dan dua Orang Kelainan Upaya (OKU) di Kampung Tekek.



MEKAR REDANG

Program Menyemai Kasih Rakyat khususnya masyarakat orang asli di Pulau Redang, Terengganu.



Terengganu • 14 Mac

Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Terengganu telah mengadakan Program Mekar Peringkat Negeri Terengganu di Pulau Redang. Agensi yang turut dijemput bagi menyertai program serta pameran ialah daripada Biro Pengaduan Awam, Klinik Kesihatan serta Polis Pulau Redang. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, YBhg. Mohamad Khir Bin Mat Lazim, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) bersama Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu Encik Mohamad Nasir bin Kareem.





PENGECUALIAN FI PERMOHONAN

Pengecualian fi permohonan salinan daftar kelahiran untuk tujuan permohonan kad pengenalan (MyKad) oleh individu berumur 12 tahun

Putrajaya • 18 Januari

Sejak tahun 2004 hingga 2009 maklumat nama kanak-kanak didaftarkan dengan nama kanak-kanak sahaja tanpa maklumat nama bapa. Apabila kanak-kanak berusia 12 tahun kanak-kanak ini perlu membuat permohonan kad pengenalan kali pertama dan ibu bapa penganjur perlu mengemaskini maklumat kanak-kanak tersebut terlebih dahulu. Ini menyebabkan proses mengemaskini maklumat nama kanak-kanak pada sistem dan cip kad pengenalan tidak selaras. Perbezaan maklumat nama ini akan menimbulkan masalah

sekiranya berurusan di agensi-agensi lain seperti Jabatan-jabatan kerajaan atau institusi kewangan.

Selaras dengan pemerksaan Arahkan Jabatan Pendaftaran Negara Bil 1/2019 pemegang sijil kelahiran yang dikeluarkan antara tahun tersebut diberikan pengecualian fi bagi tujuan permohonan Mykad kali pertama. Seterusnya, permohonan yang melibatkan pengemaskinian butiran nama penuh dan tidak terpakai bagi kes-kes bermasalah yang memerlukan pembetulan butiran lain pada sijil kelahiran.

LIPUTAN MEDIA

Liputan TV3 di dalam segmen Majalah 3

Putrajaya • 22 Januari

Liputan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) bersama Puan Siti Maslinda Binti Mardi, Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat di dalam rancangan Majalah 3 pada 22 Januari 2019 (Selasa) jam 9.00 malam. Segmen tersebut memaparkan mengenai pendaftaran nama kanak-kanak, nama unik, nama panjang, penggunaan nama-nama yang ditegah dan dilarang serta tempoh pendaftaran kelahiran yang dilanjutkan daripada 42 hari kepada 60 hari dari tarikh kelahiran kanak-kanak.

Tujuan liputan ini diadakan adalah untuk memberikan hebahan dan pemahaman kepada penonton dikaca TV selaras dengan Akta 299 (Pindaan) 2017 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2017.



PENDAFTAR HEDJAZ

Taklimat dan penyerahan KIT kepada pendaftar Hedjaz



Putrajaya • 28 Februari

Buat pertama kalinya, YBhg. Dato Muhammad Razin Bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah menyerahkan watakah perlantikan kepada Pendaftar-pendaftar Hedjaz 1440H/2019 di Dewan Balora Perdana sempena perhimpunan bulanan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi bulan Februari.

Lanjutan dari itu, Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat (BKA) juga telah mengadakan sesi perkongsian ilmu berkaitan persediaan dan persiapan berdasarkan

pengalaman-pengalaman pendaftar Hedjaz yang lalu bersama Encik Ahmad Salehuddins Bin Mamat dan Cik Rabehatun Binti Attan.

Dengan rasa besar hati, BKA telah menyerahkan KIT sebagai tanda penghargaan kepada Encik Malai Delhaizam Bin Malai Hussin daripada cawangan UTC Keningau, Sabah dan Cik Azimah Binti Osman @ Abdul Rahman daripada JPN Tapah, Perak yang disempurnakan oleh Puan Siti Maslinda Binti Mardi selaku Pengarah BKA. Tahniah diucapkan kepada mereka yang terpilih.



PROGRAM TRAIN OF TRAINERS (TOT)

Program Train of Trainers (TOT) Sistem Pengesahan Data Integrasi Mati JPN-PDRM (SPDIM)

Putrajaya, 20 Februari

Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat (BKA) JPN Putrajaya dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah dijemput untuk memberi taklimat dalam Sesi Train of Trainers (TOT) Modul Pendaftaran Kematian Dan Permit Mengubur di dalam Sistem Laporan Polis/ Police Reporting System (PRS) secara berkala di beberapa zon yang telah dianjurkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Tujuan sesi TOT ini diadakan untuk memberi pendedahan dan latihan sistem kepada ketua-ketua balai mengenai Pengeluaran Permit

Mengubur dan Resit Sementara Daftar Kematian secara elektronik, daripada pelaksanaan Sistem Pengesahan Data Integrasi Mati JPN-PDRM (SPDIM) di dalam Sistem PRS kepada orang awam yang datang bagi mendapatkan permit mengubur di seluruh balai polis Semenanjung Malaysia. Perluasan sistem PRS ke semua balai polis di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan pada 18 Februari 2019. Maklumat kematian akan dihantar terus ke pangkalan data JPN secara atas talian untuk dibuat pengesahan kematian di JPN Putrajaya. JPN akan menyemak maklumat kematian dan rekod individu tersebut akan dikemaskini daripada status "AKTIF" kepada "MENINGGAL DUNIA". Waris

simati yang layak boleh hadir di mana-mana pejabat JPN dalam Semenanjung Malaysia untuk mendapatkan sijil kematian.

Objektif utama projek Sistem Pengesahan Data Integrasi Mati JPN-PDRM (SPDIM) adalah untuk memudahkan pendaftaran kematian dengan mendapatkan maklumat kematian secara terus daripada PDRM disamping memudahkan proses pendaftaran kematian di Malaysia. Ini juga dapat mengesan penyalahgunaan Borang Bersiri (kawalan dokumen) dan mengurangkan bilangan kematian yang tidak didaftarkan serta meningkatkan kredibiliti JPN dengan menyimpan rekod kematian yang terkini dan sah.

BENGKEL LESEN PERKAHWINAN

Bengkel Pemantapan Prosedur Permohonan Perkahwinan Berlesen



Putrajaya, 16 - 18 Januari

Bahagian Perkahwinan dan Perceraian (BKC) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Prosedur Permohonan Perkahwinan Berlesen bertempat di Dewan Balara Perdana, Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Bengkel selama tiga (3) hari ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Perkahwinan dan Perceraian JPN seluruh Malaysia, dengan kehadiran seramai 40 pegawai .

Tujuan Bengkel Pemantapan Prosedur Permohonan Perkahwinan Berlesen ini diadakan adalah untuk membincangkan mengenai Garis Panduan Permohonan Pendaftaran Perkahwinan Berlesen di bawah Akta 164, Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, yang melibatkan

lesen di bawah kelulusan Ketua Menteri.

Bengkel tersebut telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Permohonan Perkahwinan bagi pemohon perempuan berumur genap 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun (Lesen JPN.KC01D) dan Prosedur Perkahwinan Tanpa Notis (Lesen JPN.KC01C).

Penambahan kepada prosedur semasa ialah dengan mengadakan sesi temuduga kepada pemohon , pasangan dan ibu/bapa, ibu angkat/bapa angkat / penjaga bagi mendapatkan maklumat yang lebih spesifik sebelum keputusan dibuat. Di dalam garis panduan ini juga, satu panel jawatankuasa diwujudkan bagi menilai permohonan tersebut. Garis Panduan ini dijangka akan dikuatkuasakan pada bulan Mei 2019.

PERKAHWINAN BERLESEN AKTA 164

Mesyuarat Bersama Menteri Besar /Ketua Menteri Berkaitan Prosedur Baharu Permohonan Perkahwinan Berlesen Yang Melibatkan Kuasa Menteri Di Bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian)1976 Akta 164

Putrajaya, 31 Januari 2019

Mesyuarat bersama Menteri Besar/ Ketua Menteri telah diadakan di Kamar Sidang Terbilang, JPN Putrajaya . Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tn. Hj. Jasri Bin Kassim (Timbalan Ketua Pengarah Operasi) dan turut dihadiri oleh pegawai dari Kementerian Pembangunan Wanita , Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Jabatan Peguam Negara dan Bahagian PP KDN.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan dan membincangkan berkaitan Prosedur Baharu Permohonan Perkahwinan Berlesen yang melibatkan kuasa Ketua Menteri. Pada masa yang sama, untuk mendapatkan persetujuan dari Ketua Menteri selaku pelulus lesen sebelum Garis Panduan ini dikuatkuasakan.

PERHIMPUNAN FEBRUARI 2019

Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendaftaran Negara Bulan Februari 2019 anjuran bersama Bahagian Khidmat Sumber Manusia (BPM) dan Bahagian Perkahwinan dan Perceraian (BKC)



Putrajaya, 28 Februari 2019

Perhimpunan Bulanan JPN bagi bulan Februari telah diadakan bertempat di Balora Perdana, JPN Putrajaya. Perhimpunan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan TKPPN (P) Tuan Mohamad Khir Bin Mat Lazim dan dihoskan oleh Bahagian Khidmat Sumber Manusia (BPM) dengan kerjasama Bahagian Perkahwinan dan Perceraian (BKC). Perhimpunan kali ini bertemakan 'Spread The Love' bersempena dengan sambutan Tahun Baru Cina pada 5 Februari 2019 yang lepas.



Beberapa amanat telah disampaikan oleh YBrs. Tuan TKPPN (P), antaranya ialah pemakluman dan cadangan yang melibatkan urusan utama iaitu:

1. Pindaan Akta 164, Akta membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 agar selaras dengan peredaran semasa.
2. Garis Panduan permohonan Pendaftaran Perkahwinan Berlesen dan Kaedah-kaedah Membaharui Undang-Undang Perkahwinan dan Perceraian 1 Mac 1982.
3. Perluasan Sistem Pengesahan Data Intergrasi Kematian (SPDIM) di antara JPN dan PDRM ke seluruh pejabat JPN di Semenanjung Malaysia.

YBrs. Tuan TKPPN (P) juga memaklumkan mengenai Pengisian SKT 2019, Pelaksanaan WBF dan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023, yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 bertemakan "Memecah Rantainya Rasuah". Perhimpunan Bulanan juga menyaksikan sesi penyampaian Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan, surat perwakilan kuasa Pendaftar Hedjaz bagi musim haji 1440H/2019M dan juga Sijil Penghargaan daripada UKK kepada pegawai yang terlibat.

Antara pengisian program bagi Perhimpunan Bulanan kali ini ialah tayangan montaj aktiviti JPN dan BKC pada bulan Februari. Program turut digamatkan lagi dengan persembahan tarian dan drama pendek lakonan warga BKC, mengenai fungsi dan aktiviti utama BKC dan situasi yang dilalui setiap hari semasa berurusan dengan pelanggan. Kepelbagaian aktiviti perhimpunan bulanan pada kali ini, secara tidak langsung dapat menyampaikan mesej iaitu dapat memekarkan lagi semangat kerja berpasukan dan memupuk perpaduan dan nilai murni di kalangan kakitangan di JPN. BKC juga telah membuat kejutan cabutan bertuah kepada warga JPN yang hadir untuk memeriahkan lagi majlis.



EKSA PERDANA

*Gotong Royong Perdana
EKSA*

Putrajaya • 1 Mac

Hari Gotong Royong Perdana EKSA peringkat Ibu Pejabat JPN Putrajaya diketuai oleh Puan Rokiah selaku Ketua Zon Bulan Madu. Seluruh warga BKC terlibat dalam aktiviti ini. Oleh itu, fokus utama gotong royong pada kali ini ialah kebersihan setiap unit yang berada di BKC.

Program ini diadakan sebagai salah satu usaha pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara berterusan bagi memastikan persekitaran setiap bahagian berada dalam keadaan bersih, kemas dan selamat.

PERKAHWINAN DI LUAR PEJABAT

Upacara Pendaftaran Perkahwinan Di Luar Pejabat



Putrajaya • 11 Mac

Upacara Pendaftaran Perkahwinan Luar Pejabat yang istimewa pada bulan Mac berlangsung di Le Meridian Hotel Putrajaya. Hal ini kerana, pasangan pengantin ialah YB Yeo Bee Yin merupakan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ((MESTECC) dan pasangan beliau iaitu Encik Lee Yeow Seng.

Upacara ini telah dilakukan oleh Cik Nely Nasir selaku Pengarah BKC dan telah dibantu oleh pegawai BKC iaitu Pn. Nor Azida Mohd Jasmin dan Cik Farhanah Mohd Radzi. BKC mengucapkan tahniah dan selamat pengantin baru kepada YB Yeo Bee Yin.

LAWATAN KILANG YAKULT

Lawatan Penandaarasan EKSA JPN ke Yakult Seremban

Putrajaya • 7 Januari

JPN telah menganjurkan Lawatan Penandaarasan ke Kilang Yakult, Seremban. Lawatan ini juga telah dihadiri oleh Jawatankuasa Induk EKSA yang terdiri dari Latihan, Audit dan Promosi serta ketua-ketua zon. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan perkongsian amalan terbaik yang dilaksanakan oleh pihak Yakult Malaysia.

Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat ringkas diikuti dengan sesi tayangan video mengenai sejarah dan kejayaan Yakult. Setiap pelawat turut dihidangkan dengan sebotol minuman Yakult secara percuma. Peserta juga dibawa ke Kilang Yakult untuk melihat sendiri proses pembuatan minuman probiotik Yakult. Pelbagai maklumat

menarik diperolehi daripada lawatan tersebut antaranya ialah mengenai kawalan suhu dan kebersihan ke atas setiap proses bagi menjaga kualiti produk serta pengurusan sumber yang cekap iaitu waktu operasi kilang hanyalah pada waktu pejabat sahaja.

Pada akhir sesi lawatan, peserta berpeluang untuk membeli produk dan cenderahati Yakult pada harga yang istimewa berbanding di pasaran.

Melalui lawatan ini, amalan baik yang diamalkan oleh pihak Yakult Malaysia dapat dijadikan sebagai rujukan dan kesedaran tentang kepentingan persekitaran yang kondusif, bersih dan selamat yang akan mempengaruhi kualiti dan kecekapan sesebuah organisasi.



KURSUS PENGAUDITAN EKSA

Kursus Pengauditan EKSA JPN Tahun 2019



Putrajaya • 29 Januari

Kursus Pengauditan EKSA JPN bagi Tahun 2019 telah diadakan bertempat di JPN Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Peserta kursus ini terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Audit EKSA Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Ceramah dan bimbingan sepanjang kursus ini telah disampaikan oleh Urus Setia EKSA MAMPU iaitu Puan Zuasma binti Yahaya.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai teknik pengauditan dan penilaian EKSA yang lebih berkesan. Selain itu, kursus ini merupakan persediaan sebelum dilantik sebagai Juraudit Dalam EKSA DIY JPN.

Kursus ini merupakan kursus asas yang ditetapkan oleh MAMPU sebelum seseorang pegawai melaksanakan Pengauditan secara EKSA DIY.

Sepanjang kursus berlangsung, peserta kursus telah diberikan penerangan mengenai pengauditan EKSA melalui taklimat dan simulasi pengauditan. Pejabat JPN WPKL telah menjadi lokasi simulasi pengauditan pada kursus tersebut.

Seterusnya peserta kursus membuat pembentangan berdasarkan penemuan simulasi yang telah dilaksanakan. Pada akhir sesi kursus, panduan penyediaan laporan EKSA DIY telah diberikan oleh penceramah.

LAWATAN DARI IMM

Lawatan Penandaarasan EKSA dari Jabatan Imigresen Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Putrajaya • 26 March

JPN telah menerima Lawatan Penandaarasan EKSA daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah peserta seramai 30 orang.

Sesi lawatan dimulakan dengan taklimat pelaksanaan EKSA di JPN daripada Setiausaha Induk EKSA JPN dan sesi soal jawab. Seterusnya pelawat telah dibawa untuk melawat ke bahagian atau zon di sekitar JPN Putrajaya.

Lawatan Penandaarasan ini merupakan platform JPN untuk berkongsi maklumat dan amalan terbaik berkaitan EKSA kepada agensi-agensi pelawat. Secara tidak langsung lawatan ini juga merupakan usaha jawatankuasa memastikan bahagian atau zon di Ibu Pejabat JPN Putrajaya sentiasa berada di dalam keadaan bersih, kemas dan kondusif.

Penutup lawatan diakhiri dengan ulasan daripada ketua pelawat serta sesi penyampaian cenderahati dan bergambar bersama pasukan pelawat.

KURSUS PENGHASILAN LAPORAN

Kursus penghasilan laporan projek kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) Jabatan Pendaftaran Negara Tahun 2019.

Port Dickson • 20 Februari

Bahagian Latihan telah menganjurkan Kursus Penghasilan Laporan Projek KIK JPN 2019 bertempat di Institut Latihan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 20 hingga 22 Februari 2019. Ceramah dan bimbingan kursus ini telah diberikan oleh pegawai daripada Sub Kluster Inovasi dari INTAN Kuala Lumpur. Seramai 51 orang peserta telah menghadiri kursus ini.

Kursus Penghasilan Laporan Projek KIK JPN 2019 diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai kaedah sebuah laporan Projek KIK yang tepat dan teratur mengikut kriteria penilaian KIK Horizon Baharu yang digariskan di dalam Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bil.1 Tahun 2016.

Setiap kumpulan peserta telah diberikan laporan Projek KIK tahun 2018 sebagai sampel di dalam latihan untuk menghasilkan semula laporan projek yang lebih tepat dan berkesan. Setiap peserta didedahkan kepada perkara-perkara penting (point) yang boleh menyumbangkan markah tinggi setiap penilaian.

Pada hari terakhir kursus setiap kumpulan melaksanakan pembentangan laporan projek KIK yang telah dihasilkan kepada penceramah dan penilaian turut dilaksanakan. Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat meningkatkan kualiti laporan Projek KIK setiap kumpulan yang akan menyertai Majlis Persada Inovasi (Konvensyen KIK) JPN pada tahun ini dan tahun berikutnya.



BENGGKEL MENJAWAB ADUAN

*Bengkel Menjawab Aduan Pelanggan anjuran bersama
Unit Komunikasi Korporat*



Pulau Pinang • 20 Februari

Bahagian Latihan dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat telah mengadakan Bengkel Menjawab Aduan Pelanggan pada 20 - 22 Februari 2019 bertempat di Institut Latihan Kemahiran Mara, Jawi Pulau Pinang. Seramai 30 orang terlibat dengan bengkel ini.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta teknik dan tatacara menulis jawapan aduan pengadu. Selain daripada itu, kursus ini juga memberi panduan serta kemahiran asas bagaimana cara untuk menjalankan siasatan seterusnya menjawab aduan dengan teknik dan tatabahasa yang betul.

KURSUS KPI 30 MINIT

*Kursus KPI 30 Minit
MyKad Siap.*

Putrajaya • 4 Mac

Bahagian Latihan dengan kerjasama Bahagian Kad Pengenalan telah menganjurkan Kursus KPI 30 Minit Percetakan MyKad Siap yang melibatkan pegawai dari JPN Ibu Pejabat dan JPN Negeri. Kursus ini telah dihadiri oleh 74 orang peserta seluruh JPN.

Kursus ini diadakan untuk menerangkan kepentingan tuntutan capaian 30 Minit selaras dengan keperluan KPI Menteri bagi capaian 30 minit kad siap untuk serahan kepada pelanggan. Kursus ini juga memberikan peluang seluruh 57 pejabat teragih membincangkan dan menyumbang cadangan penambahbaikan dan isu-isu yang berlaku semasa proses cetakan.



KURSUS PENGAWAL KESELAMATAN

Kursus Pengukuhan Berpasukan Pengawal Keselamatan



Putrajaya • 5 Mac

Bahagian Latihan telah menganjurkan Kursus Pengukuhan Berpasukan Pengawal Keselamatan yang bertempat di Institusi Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM), Besut, Terengganu. Kursus ini telah dihadiri oleh 25 orang peserta daripada JPN Putrajaya.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat kerja berpasukan, membina kesefahaman. Disamping itu, dapat mengenali antara satu sama lain bagi memudahkan kerja seharian untuk melahirkan sebuah organisasi berprestasi tinggi.



PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2019



Kuala Lumpur · 3 April

Perpustakaan JPN telah menganjurkan Lawatan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Seramai 30 orang pegawai JPN Putrajaya telah menyertai lawatan ini. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan tabiat membaca di kalangan warga Jabatan.

Menerusi lawatan ini, peserta yang hadir berpeluang mendapatkan pelbagai genre buku dengan harga

yang lebih rendah dan mendekati dengan lebih dekat penulis buku yang hadir pada pesta tersebut. Sepanjang program berlangsung, para peserta berpeluang untuk melawat keseluruhan booth yang terdiri daripada bahan bacaan tempatan dan luar negara. Antara penerbit yang mengambil bahagian di dalam program ini ialah Kumpulan Karangkrif Sdn. Bhd, PTS Media Group Sdn. Bhd, Telaga Biru Sdn. Bhd, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

PBAKL 2019 turut dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh negara termasuklah pelajar sekolah dan mahasiswa institut pengajian tinggi. PBAKL ini menjadi medan himpunan penulis, sasterawan, penterjemah, penyair, pelukis, pereka bentuk, penerbit dan pengedar buku. Pada masa yang sama, PBAKL kali ini menyokong pelestarian alam sekitar dengan sama-sama berkempen untuk tidak menggunakan beg plastik.

HARI RELA

PAMERAN JPN SEMPENA HARI ULANG TAHUN RELA MALAYSIA KE-47

Putrajaya • 22 Mac

Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan (BSK) meneruskan amalan seperti tahun-tahun sebelum ini dengan menyertai pameran anjuran agensi-agensi kerajaan. Pameran kali ini merupakan anjuran RELA Malaysia yang bertempat di Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 19 Februari 2019 sempena Ulang Tahun ke-47 RELA Malaysia.

Penyertaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di dalam siri-siri

pameran anjuran agensi kerajaan antara lain bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang fungsi JPN yang merupakan agensi utama negara dalam mengeluarkan dokumen pengenalan warganegara Malaysia. Selain itu dapat memberi pengetahuan kepada orang ramai mengenai penguatkuasaan serta kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen-dokumen pengenalan yang dikeluarkan oleh JPN.



RTM 73 TAHUN

PAMERAN JPN SEMPENA HARI ULANG TAHUN RTM KE-73



Seremban • 1 April

Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan (BSK) telah menyertai satu lagi siri pameran anjuran agensi kerajaan dan kali ini merupakan anjuran Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan. Lokasi pameran bertempat di Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad, Seremban pada 30-31 mac 2019 sempena Ulang Tahun ke-73 Radio Televisyen Malaysia (RTM). Pendedahan mengenai jenis-jenis dokumen pengenalan Malaysia dan juga kesalahan-kesalahan berkaitan dokumen pengenalan Malaysia telah didedahkan kepada orang ramai. Program tersebut yang turut disertai oleh pelbagai agensi lain.

SELAMAT TINGGAL FSECURE

Penukaran Perisian Antivirus Fsecure kepada eScan

Putrajaya • 17 Januari

Aktiviti Penukaran Antivirus Fsecure kepada Antivirus Baru eScan telah dilaksanakan bermula dari 17 Disember 2018 hingga 31 Januari 2019 bertempat di Bilik Latihan 1, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM). Sesi pengujian secara pilot (pilot test) iaitu instalasi secara push dari server di Ibu Pejabat pada 7 Januari 2019 melibatkan 4 buah pc kaunter di BKP serta 2 cawangan di JPN iaitu Kajang dan Papar.

Pelaksanaan aktiviti tersebut melibatkan 5000 komputer dan

server di Ibu Pejabat dan semua Cawangan JPN. Aktiviti ini turut melibatkan kerjasama dari pihak pembekal iaitu Night Electronics (M) Sdn Bhd (NE) bersama dengan pegawai BTM bagi memastikan aktiviti tersebut dapat dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Objektif aktiviti ini dilaksanakan bagi menggantikan perisian antivirus yang lama iaitu FSecure yang telah tamat tempoh pada 31 Januari 2019. Pertukaran antivirus ini juga adalah kerana FSecure tidak lagi dapat menyokong sistem pengoperasian (OS) Windows yang digunakan di JPN.

MYGOVUC

*Latihan Pengguna E-mel
MyGovUC Siri 1/2019*

Putrajaya, 30 Januari 2019

Merujuk kepada Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 3 Tahun 2017 Pengurusan Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu Kerajaan (Government Unified Communication (1GovUC), MyGovUC digunakan sebagai emel rasmi Kerajaan. Untuk memantapkan kefahaman dan meluaskankepenggunaanemelini di JPN, Latihan Penggunaan E-mel MyGovUC telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) pada 30 Januari 2019 di Dewan Balara Perdana, JPN. Latihan ini telah dihadiri oleh seramai 102 orang peserta yang merupakan pegawai dan kakitangan JPN di Ibu Pejabat, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Peserta sasaran adalah kepada pemegang akaun yang tidak aktif melebihi 90 hari dan pengguna-pengguna baharu. Objektif latihan ini adalah untuk memberi kesedaran serta meningkatkan dan mengukuhkan kefahaman pengguna-pengguna e-mel berkenaan fungsi/ciri-ciri serta kemudahan-kemudahan yang boleh digunakan dalam penggunaan e-mel.

TOT PANTAI TIMUR

Sesi Training of Trainers (TOT) Modul Permit Mengubur dan Pendaftaran Kematian di Zon Timur (Pahang & Terengganu)



Kuantan • 28 Januari

Sesi Training of Trainers (TOT) bagi Modul Permit Mengubur dan Pendaftaran Kematian PDRM - JPN bagi Zon Timur telah diadakan di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pahang yang bertempat di Kuantan pada 28 & 29 Januari 2019 dan IPK Terengganu di Kuala Terengganu pada 30 Januari 2019. Sesi TOT ini adalah kesinambungan daripada sesi sebelum ini yang pernah diadakan bagi Zon Tengah dan Zon Utara. Tujuan sesi TOT ini adalah untuk mendigitalkan pengeluaran permit mengubur menggunakan

Sistem Laporan Polis (PRS) dan Sistem Integrasi JPN (SPDIM & iJPN) secara atas talian. Pihak JPN diwakili oleh pegawai BTM dan pegawai BKA, JPN Putrajaya. Pegawai dari JPN Negeri telah dijemput sebagai pemsyarah bagi memberi taklimat berkenaan projek integrasi dan perkongsian data tersebut. Sesi TOT yang seterusnya dijadualkan di IPK Kota Bharu, Kelantan pada 2-3 Februari 2019. Manakala, bagi Zon Selatan pada 11 hingga 14 Februari 2019 di Maktab Teknik PDRM Muar, Johor.

SELAMAT BERSARA RMC

Majlis Ikatan Kasih RMC bagi meraikan persaraan 5 orang kakitangan RMC JPN



Putrajaya • 11 Januari

Majlis Ikatan Kasih RMC berlangsung di Dewan Balara Perdana, Ibu Pejabat JPN Putrajaya bagi meraikan persaraan 5 orang kakitangan RMC JPN. Kakitangan yang bersara adalah Encik Rosly Bin Ismail, Puan Rugayah Binti Wahab, Puan Ruhayah Binti Selamat, Puan Norpipah Binti Md Tahir dan Puan Sabariah Binti Ali. Turut hadir bagi meraikan majlis tersebut ialah Puan Azura binti Abdullah, Pengarah Bahagian Pusat Pengurusan Rekod Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya.

BELAKANG TABIR FWK

Persediaan Festival Warisan dan Kebudayaan, Majlis Persaraan dan APC JPN



Putrajaya • 14 Mac

Bersempena dengan Festival Warisan dan Kebudayaan, Majlis Persaraan JPN dan Majlis Anugerah Cemerlang JPN, kakitangan RMC telah bekerjasama dalam penyediaan hiasan pentas dan dewan serta penyediaan folder sijil pesara dan penerima APC. Kerja-kerja berkaitan penyediaan hiasan telah bermula pada 14 Mac 2019 sehingga 20 Mac 2019.



PANTAU CAWANGAN

Audit Pematuhan Intergriti (API) 2019



Putrajaya • 12 Februari

Unit Integriti telah melaksanakan Audit Pematuhan Integriti (API) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui kaedah Mystery Shopping DIY merangkumi beberapa bahagian di JPN Ibu Pejabat Putrajaya dan cawangan - cawangan JPN Negeri. Audit pemantauan ini bermula dari bulan Februari hingga Disember 2019.

Sebagai peringatan mesra kepada

semua warga JPN, satu surat pemakluman dan hebahan email dari Unit Integriti telah dikeluarkan sebagai makluman pelaksanaan API tersebut.

Warga JPN diingatkan agar sentiasa mematuhi Undang-undang, Peraturan-peraturan dan Kod Etika Jabatan yang sedang berkuatkuasa. Ketidakpatuhan untuk mengikuti aturan berkenaan merupakan satu kesalahan pelanggaran tatakelakuan dan boleh diambil tindakan tatatertib

mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993].

Sehingga akhir bulan Februari 2019, sebanyak empat (4) Audit Pematuhan Integriti (API) telah dilaksanakan di beberapa lokasi, seperti Bilik Pengawal Keselamatan, Ibu Pejabat JPN Putrajaya, JPN Cawangan Mentakab, JPN Cawangan Temerloh dan, JPN Cawangan Kerian, Parit Buntar, Perak

MAULIDUR RASUL JPN JOHOR



Johor • 10 Januari

JPN Johor telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul bertempat di ruang legar Aras 3 Blok 2 JPN Johor bermula jam 4.00 petang. JPN Johor juga telah menjemput Penceramah Ustaz Hanafiah Bin Abdul Razak, Imam Masjid Sultan Iskandar, Iskandar Puteri Johor. Pada akhir majlis, kakitangan JPN Johor telah dijamu dengan menu Nasi Ambeng dalam talam.

SANTUNI RAKYAT

Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Johor

Johor - 26 Januari 2019, Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengadakan Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Johor di Angsana Johor Bahru Mall. Program tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang turut dihadiri Menteri Besar Johor, Datuk Osman Bin Sapian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri, Liow Cai Tung.

Program Santuni Rakyat adalah inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertujuan memperkenalkan dan meningkatkan lagi kesedaran berhubung program dan inisiatif

yang disediakan KPWKM untuk memanfaatkan semua golongan masyarakat.

Antara agensi yang terlibat dalam program tersebut ialah Jabatan Pembangunan Wanita, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, Johor Women's League (JEWEL), IKRAM, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain-lain lagi.

Manakala, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pula mengadakan Program Derma Darah dan senamrobik. Program Bicara Keluarga oleh Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), pelancaran Program "Mama Friendly" iaitu penyediaan kemudahan bilik penyusuan bayi kepada kakitangan awam wanita di Johor.

KARNIVAL KEUSAHA-WANAN

Johor • 22 Januari

Balai Raya Kampung Baru Sri Gading Batu Pahat Johor telah berlangsung Karnival Keusahawanan, Kebudayaan Dan Kerohanian Bagi Program Jelajah Operasi Khidmat Masyarakat Johor 3.0 anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Johor (PERMAJ) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Antara agensi yang terlibat ialah JPN Johor, Al-Ikhsan, PEMADAM, Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pusat Kesihatan Batu Pahat, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

LAWATAN KERJA TMDN



Lawatan Kerja Timbalan Menteri Dalam Negeri Ke Kompleks Kementerian Dalam Negeri Setia Tropika Johor Bahru

Johor Bahru • 11 Februari

YB Datuk Mohd Azis bin Hj Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri hari ini mengadakan Lawatan Kerja ke Kompleks Kementerian Dalam Negeri Setia Tropika, Johor Bahru. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendengar isu-isu dan perkara-perkara ingin disampaikan

dari para pegawai Bahagian / Jabatan / Agensi Kementerian Dalam Negeri di Johor. Selepas itu, TMDN telah melawat ke Bahagian Kad Pengenalan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Johor untuk beramah mesra bersama pelanggan dan kakitangan.

FESTIVAL SASTERA IKHTISAS

Program Festival Jabatan Sastera Ikhtisas

Johor • 23 Februari

Program Festival Jabatan Sastera Ikhtisas telah berlangsung di Dewan Seri Ledang, Kolej Matrikulasi Johor. Seramai 4 orang kakitangan dari JPN Johor telah membuka gerai pameran, kaunter khidmat nasihat dan kaunter Unit Mobile yang menerima

permohonan gantian Mykad rosak. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Kolej Matrikulasi Johor, En. Mohd Yusof Bin Samad. Sebanyak 3 agensi kerajaan yang terlibat dalam pameran seperti Agensi Laut Malaysia (ALAM), Pejabat Pos Malaysia (POS) serta Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).



MEKAR PONTIAN

Program Mekar Dan Temu Mesra Bersama KPPN ke JPN Batu Pahat Dan JPN Pontian Johor

Johor • 28 Februari

Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Yang Berbahagia Dato' Mohammad Razin Bin Abdullah telah membuat lawatan kerja sempena Program Mekar dan Temu Mesra di JPN Batu Pahat dan JPN Pontian.

Semasa program tersebut, Dato' KPPN telah menyampaikan amanat kepada pegawai JPN

Johor. Di samping itu, beliau telah menyampaikan sijil penghargaan kepada kakitangan yang telah memberi khidmat cemerlang kepada pelanggan JPN. Dato' KPPN telah merasmikan bilik upacara perkahwinan di JPN Batu Pahat. Beliau juga sempat bergambar kenang-kenangan bersama kakitangan JPN Batu Pahat dan JPN Pontian

SPARKLE

Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Pendaftaran Kelahiran Lewat (SPARKLE) Bagi JPN Johor

Johor • 27 Februari

Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Pendaftaran Kelahiran Lewat (SPARKLE) bagi JPN Johor telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya. Latihan tersebut telah dibahagi kepada 2 sesi dan setiap sesi terdiri daripada 16 orang kakitangan mewakili setiap cawangan JPN Johor.

MAJLIS APRESIASI JPN KEDAH

Majlis Apresiasi & Jasamu Dikenang JPN Kedah bagi tahun 2018 bagi meraikan para persara JPN Negeri Kedah.



Jitra • 10 Januari

Majlis Apresiasi & Jasamu Dikenang JPN Kedah bagi tahun 2018 telah diadakan di Kolej Height Utara yang bertemakan 'Hitam dan Merah'. Majlis tersebut dihadiri hampir 200 orang kakitangan JPN Kedah termasuk yang diraikan pesara-pesara JPN Kedah serta pegawai yang telah bertukar tempat bertugas ke JPN negeri

lain. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah JPN Kedah, Tuan Yusman Hambali bin Ahmad. Tujuan majlis diadakan adalah untuk meraikan pesara-pesara JPN Kedah bagi menghargai jasa & pengorbanan mereka sepanjang berkhidmatan serta merapatkan lagi jalinan ukhuwah antara semua lapisan kakitangan JPN Kedah.

JPN BERSAMA PENDUDUK KULIM

***PROGRAM JPN BERSAMA
PENDUDUK SETEMPAT
ANJURAN DUN KULIM***

Kulim • 28 Januari

Program JPN bersama penduduk setempat yang dianjurkan oleh Dun Parlimen Kulim telah dirasmikan oleh YB Yoe Keng Chuan. Program ini dihadiri hampir 200 penduduk setempat di kawasan kulim dan berdekatan dengannya. Antara tujuan

program ini dianjurkan adalah bagi memberi khidmat nasihat serta menyelesaikan masalah penduduk setempat berkenaan warganegara dan kelahiran. Selain itu, pihak JPN juga turut membuka kaunter gantian kad pengenalan kepada para pengunjung.

KPPN KE LANGKAWI

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JABATAN
PENDAFTARAN NEGARA



Langkawi • 9 Februari

Lawatan kerja oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (KPPN) iaitu Dato' Mohammad Razin bin Abdullah telah diadakan di Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Langkawi. Dalam sesi lawatan ini beliau turut turun padang ke beberapa rumah pemohon kelainan upaya bagi menyampaikan dokumen

pengenalan diri kepada pemohon serta sesi beramah mesra bersama kakitangan JPN Daerah Langkawi. Sepanjang lawatan, Dato' KPPN diiringi oleh Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Kedah, Tuan Yusman Hambali bin Ahmad serta beberapa pegawai kanan daripada JPN Kedah dan ibu pejabat Putrajaya.

JPN BERSAMA RAKYAT BALING

*Program Temu Mesra JPN
Bersama Rakyat Baling.*

Baling • 19 Februari

Program Temu Mesra Bersama Rakyat Baling anjuran Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Kedah telah diadakan di Kampung Keda Ulu Legong, Baling. Tujuan program ini adalah untuk memberi perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kepada penduduk setempat di daerah Baling serta mendekatkan diri antara agensi kerajaan bersama rakyat. Program ini juga turut dihadiri oleh beberapa agensi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Klinik Kesihatan Daerah Baling, Pejabat Daerah Baling serta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memberikan perkhidmatan kepada penduduk Baling. Program ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Dato' Mohammad Razin bin Abdullah. Turut hadir diff-diff kehormat antaranya Pegawai Daerah Baling, Datuk Md Shuhaime bin Abdul Rahman.



BERTEMU PELANGGAN MELAKA

Hari Bertemu Pelanggan Bil.1/2019 yang diadakan di ruang legar kompleks Kementerian Dalam Negeri Ayer Keroh Melaka.

Melaka • 9 Januari

Unit Komunikasi Korporat bersama pihak pengurusan JPN Negeri Melaka telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan Bil.1/2019 yang diadakan di ruang legar kompleks Kementerian Dalam Negeri Ayer Keroh Melaka.

Pada program berkenaan turut diadakan Majlis Perasmian Booth Pameran Baharu Unit Komunikasi Korporat JPN Negeri Melaka bersama gimik pelancaran baju korporat baharu petugas kaunter barisan hadapan yang dirasmikan oleh YB Ginie Lim Siew Lin Exco Wanita Pembangunan Keluarga Hal Ehwal Kebajikan Orang Asli.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan semasa program berlangsung

termasuk hadiah bertuah kepada pelanggan bertuah serta booth khidmat nasihat dari jabatan dan agensi luar termasuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Negeri Melaka dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) Negeri Melaka. Pada masa yang sama, turut diadakan majlis serahan sumbangan kecemerlangan peperiksaan kepada anak-anak ahli MADAH JPN Negeri Melaka yang berjaya mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan.

Program Hari Bertemu Pelanggan Bil 1 /2019 ini juga merupakan hari terbuka JPN Negeri Melaka siri 1/2019 yang melibatkan gerai jualan dari kakitangan JPN Negeri Melaka yang mengambil bahagian.



BUDI DISANJUNG BAKTI DIJUNJUNG

Majlis merupakan satu penghargaan kepada Miss Pek Siew Ber Timbalan Pengarah JPN Negeri Melaka yang akan bersara dari perkhidmatan awam.



Ajk Biro Sosial Bergambar Kenangan Sebagai Pengelola Majlis Pada Hari Tersebut



Dato Mohamad Razin Bin Abdullah memberikan cenderahati kepada Timbalan Pengarah JPN Negeri Melaka Cik Pek Siew Ber

Melaka • 12 Januari

MADAH JPN Negeri Melaka telah menganjurkan Majlis Budi Disanjung Bakti Dijunjung yang di kelolakan oleh Biro Sosial Dan Publisiti MADAH Melaka. Majlis tersebut bertempat di Hotel Ibis Jalan Bendahara Melaka merupakan satu penghargaan kepada bakal pesara Miss Pek Siew Ber Timbalan Pengarah JPN Negeri Melaka. Pada masa yang sama majlis tersebut meraikan kakitangan JPN Melaka yang bertukar keluar melibatkan urusan kenaikan pangkat.

Yang Berbahagia Dato Mohamad Razin Bin Abdullah dan isteri turut memeriahkan majlis pada hari tersebut. Majlis yang berkonsepkan glam macam artis melihatkan kesungguhan kakitangan JPN mengayakan busana yang sesuai dengan tema yang diberikan. Cabutan hadiah bertuah antara aktiviti yang diadakan kepada ahli MADAH yang hadir, termasuk 5 cabutan bertuah hadiah utama yang disediakan.

WARISAN KOMPANG MELAKA

**LATIHAN PASUKAN
KOMPANG BIRO
REKREASI DAN
KESENIAN MADAH JPN
NEGERI MELAKA**

Melaka • 9 Februari

Latihan pasukan kompang kelolaan Biro Rekreasi dan Kesenian MADAH JPN Negeri Melaka disertai oleh kakitangan JPN Melaka yang berminat dalam memainkan alatan muzik kompang bagi mencugkil bakat bakat baru. Pengasas Aliran

Kompang Ezhar Melaka sebagai pembimbing pasukan kompang JPN Melaka yang mengadakan latihan sekali setiap hujung minggu Di Dewan Serbaguna Kompleks Kementerian Dalam Negeri Ayer Keroh Melaka. Selain itu, dapat memperbaiki kualiti dan teknik permainan kompang.

KUNJUNGAN KE IPD MELAKA TENGAH

Kunjungan hormat Pengarah JPN Negeri Malaka En. Norazle Sulaiman kepada Tuan ACP Salim bin You, Ketua Cawangan Khas IPD Melaka Tengah.



Melaka • 08 Februari

Satu lawatan kunjung hormat oleh Pengarah JPN Negeri Melaka Encik Norazle Bin Sulaiman telah diadakan pada 08 februari 2019 ke Ibu Pejabat Polis Melaka Tengah bersama dengan Tuan ACP Salim Bin Youp Ketua Cawangan Khas Ipk Melaka. Lawatan tersebut

turut dihadiri oleh Encik Nasrom Bin Yusof Ketua Bahagian Sisatan Dan Penguatkuasaan JPN Melaka. Lawatan ini adalah untuk menjalinkan hubungan baik antara JPNM Negeri Melaka amnya bersama dengan Polis Diraja Malaysia dapat memantapkan lagi kerjasama kedua-dua jabatan di dalam Kementerian dalam Negeri

OUTREACH NEGERI MELAKA



Melaka • 16 Februari

Seramai 3 orang kakitangan Bahagian Kad Pengenalan JPN Melaka Unit Mobile Bahagian Kad Pengenalan JPN Negeri Melaka telah hadir ke rumah pemohon di Kampung Asahan dan Padang Temu Melaka. Pemohon membuat permohonan Gantian Mykad Baharu yang melibatkan warga emas yang terlantar dan golongan OKU. Sekaligus, menepati slogan JPNM iaitu Rakyat Dihati JPN.

KAWAN, PERMUDAHKAN URUSAN

Program ONE STOP HELP CENTER (KAWAN)

Melaka • 25 Mac

JPN Negeri Melaka telah dijemput untuk mengadakan Program Outreach One Stop Help Center (Kawan) di Dewan Orang Ramai Felda Hutan Percha Alor Gajah Melaka. Program ini merupakan anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Alor Gajah dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Melaka. JPNM Melaka pula menyediakan Perkhidmatan Unit Mobile dan khidmat nasihat mengenai semua urusan di JPNM. Seramai 3 orang kakitangan JPN Negeri Melaka telah terlibat dalam program berkenaan yang bermula dari jam 08.00 pagi hingga 03.00 petang. Manakala, seramai 12 orang pelanggan telah datang berurusan di booth khidmat nasihat JPN Negeri Melaka.



BAJU BAHARU PASUKAN OUTREACH

Pelancaran baju baharu team Outreach/ Mobile JPN Negeri Melaka.

Melaka • 29 Mac

Satu gimik Pelancaran Baju Baru Team Outreach/Mobile JPN Negeri Melaka bersekali dengan Mesyuarat Pengurusan JPN Melaka yang disempurnakan oleh Pengarah JPN Melaka Encik Norazle Bin Sulaiman. Baju Baru Team Outreach JPN Negeri Melaka ini adalah bertujuan bagi menampilkan imej korporat dan bertujuan bagi kegunaan Ahli Team Outreach JPN Melaka untuk urusan di luar kawasan pejabat bagi mengendalikan Mobile Ehsan dan aktiviti pameran jabatan.



KPPN KE PAHANG

TEMU MESRA DATO KP JPNM BERSAMA
KAKITANGAN PAHANG



Pahang • 12 Mac

YBhg Dato Mohammad Razin Bin Abdullah (KPPN) telah membuat lawatan Program Mekar dan Temu Mesra bersama kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Kuantan. Ketibaan Dato' KPPN disambut oleh Pengarah JPN Negeri Pahang, Puan Juzilawati Binti Kamarudin bersama dengan beberapa orang pegawai negeri. Di samping itu, Ketua-ketua Pejabat Daerah dan Cawangan JPN Negeri Pahang turut hadir bersama semasa sesi temu mesra berkenaan. Disamping

itu, perihal pengenalan JPN Pahang dibentangkan serta membincangkan beberapa isu yang timbul di JPN Negeri Pahang.

Beliau juga berbesar hati melawat ke JPN Muadzam Shah. Tujuan kunjungan beliau adalah kerana Dato' KPPN ingin mengetahui sendiri masalah yang timbul dari kakitangan JPN itu sendiri. Di samping itu, Pengarah dan Penolong Pengarah Jabatan Pendaftaran Negeri Pahang juga turut hadir bersama dalam lawatan tersebut.



OPERASI 5 SERANGKAI

Operasi bersepadu bersama; Jabatan Pendaftaran Negara, Pahang (JPN) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pahang.



Kuantan • 02 Februari

Satu Operasi Bersepadu telah dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pahang (JPJ) di sekitar Bandar Kuantan, Pahang. Operasi ini turut mendapat kerjasama dari Petugas AADK Negeri Pahang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Pahang, Jabatan Alam Sekitar serta Pasukan dari Polis Diraja Malaysia. Kakitangan JPN telah disertai 7 orang anggota termasuk seorang pemandu. Tugas yang dijalankan oleh pihak JPN ialah menyemak Mykad pengguna jalanraya. Hal ini dapat membantu pihak bertugas melancarkan operasi yang sedang dijalankan.

TAKLIMAT MY12

Taklimat My12 di Sekolah Kebangsaan Lanai, Kuala Lipis bertujuan memberi kesedaran kepada ibubapa dan pelajar tentang kepentingan mendaftar kad pengenalan dan menjaga kad pengenalan.

Kuala Lipis • 15 Februari

Satu Taklimat My12 di Sek. Keb. Lanai, Lipis yang mana telah diselenggarakan oleh Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Lipis, iaitu Encik Shaharuddin. Taklimat tersebut mengenai permohonan My12 dan cara penjagaan Mykad yang telah diberikan kepada murid tahun 6 dan juga turut disertai oleh para ibubapa.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan memiliki dokumen kad pengenalan serta penerangan prosedur untuk memohon kad pengenalan buat kali pertama. Malah, para pelajar juga turut dimaklumkan mengenai peranan Jabatan Pendaftaran Negara dan fungsi Mykad.

PERAK BERHIMPUN

Perhimpunan Bulanan Bil.1/2019

Ipoh • 9 Januari

Perhimpunan Bulanan Bil.1/2019 telah dirasmikan oleh Yang Mulia Raja Azlal bin Raja Azman, Pengarah JPN Perak hari ini dengan kehadiran seramai 120 orang kakitangan. Perhimpunan Bulanan pada kali ini bertemakan 'EKSA Spirit' bersempena dengan lawatan auditor 'EKSA DO-IT-YOURSELF' yang dijadualkan berlangsung pada 22-23 Januari ini. Selain daripada penyampaian

amanat tahun 2019 oleh Pengarah Negeri Perak, kakitangan - kakitangan yang cemerlang dan sambutan hari kelahiran turut diraikan pada majlis ini. Perhimpunan bulanan kali ini telah dihoskan oleh Bahagian Perkahwinan, Perceraian dan Warganegara serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan JPN Ipoh, Perak. Majlis ini tamat pada jam 10.30 pagi selepas sesi pemotongan kek hari jadi.

HARI BERTEMU PELANGGAN



Ipoh • 9 Januari

Perhimpunan Bulanan Bil.1/2019 telah dirasmikan oleh Yang Mulia Raja Azlal bin Raja Azman, Pengarah JPN Perak hari ini dengan kehadiran seramai 120 orang kakitangan. Perhimpunan Bulanan pada kali ini bertemakan 'EKSA Spirit' bersempena dengan lawatan auditor 'EKSA DO-IT-YOURSELF' yang dijadualkan berlangsung pada 22-23 Januari ini. Selain daripada penyampaian amanat tahun 2019 oleh Pengarah Negeri Perak, kakitangan - kakitangan yang cemerlang dan sambutan hari kelahiran turut diraikan pada majlis ini. Perhimpunan bulanan kali ini telah dihoskan oleh Bahagian Perkahwinan, Perceraian dan Warganegara serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan JPN Ipoh, Perak. Majlis ini tamat pada jam 10.30 pagi selepas sesi pemotongan kek hari jadi.

MESYUARAT KETUA PEJABAT

Bil 1/2019

IPOH, PERAK, 09 Januari 2019 - Perhimpunan Bulanan Bil.1/2019 telah dirasmikan oleh Yang Mulia Raja Azlal bin Raja Azman, Pengarah JPN Perak hari ini dengan kehadiran seramai 120 orang kakitangan. Perhimpunan Bulanan pada kali ini bertemakan 'EKSA Spirit' bersempena dengan lawatan auditor 'EKSA DO-IT-YOURSELF' yang dijadualkan berlangsung pada 22-23 Januari ini. Selain daripada penyampaian amanat tahun 2019 oleh Pengarah Negeri Perak, kakitangan - kakitangan yang cemerlang dan sambutan hari kelahiran turut diraikan pada majlis ini. Perhimpunan bulanan kali ini telah dihoskan oleh Bahagian Perkahwinan, Perceraian dan Warganegara serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan JPN Ipoh, Perak. Majlis ini tamat pada jam 10.30 pagi selepas sesi pemotongan kek hari jadi.

MAKNA JPN

Taklimat kesihatan bersama Majlis Kanser Nasional (MAKNA)

Shah Alam • 22 Januari

Satu taklimat kesihatan bagi penyakit kanser bersama Majlis Kanser Nasional (MAKNA) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 7, JPN Negeri Selangor yang dirasmikan oleh TPPN. Seramai 40 orang kakitangan daripada JPN Negeri, Daerah dan cawangan telah hadir bagi menjayakan program ini. Taklimat ini telah

disampaikan oleh Encik Mohd Shah Rizal bin Zainal Abidin.

Taklimat ini diadakan bertujuan memberikan pengetahuan tentang sejarah dan misi MAKNA, statistik kanser di Malaysia, aktiviti-aktiviti dan program yang dijalankan oleh MAKNA kepada kakitangan JPN Negeri Selangor.

TAKLIMAT KESIHATAN CUEPACS



Shah Alam • 22 Januari

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Selangor telah menganjurkan satu taklimat kesihatan kepada kakitangan JPN Negeri Selangor dengan menjemput penceramah daripada CUEPACS untuk menerangkan mengenai Program Takaful CuepacsCare dan Program Takaful CuepacsPA.

Taklimat telah dirasmikan oleh PP(O)Tn.Hj.AbuBakarBinMohamedTahir. Perkara ini merupakan satu inisiatif untuk menyalurkan informasi yang komprehensif kepada kakitangan mengenai produk dan kepentingan takaful bagi Penjawat Awam bersama keluarga untuk mendapatkan rawatan di hospital pakar swasta pada kadar yang mampu disertai oleh semua warga Penjawat Awam

Perkara ini merupakan satu inisiatif untuk menyalurkan informasi yang komprehensif kepada kakitangan

KUNJUNGAN HORMAT ADUN JERAM

Lawatan bertujuan membawa beberapa isu dan perkara untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan isu penduduk di Daerah Jeram



Shah Alam • 26 Februari

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Selangor telah menerima kunjungan hormat dari Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram Selangor iaitu Y.B Tuan Mohd Shaid Bin Rosli.

Kunjungan tersebut berlangsung di Bilik Mesyuarat Tingkat 7,

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor. Adun Jeram yang ditemui semasa kunjungan berkata lawatan tersebut bertujuan membawa beberapa isu dan perkara untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan isu kewarganegaraan penduduk di Daerah Jeram dan prosedur permohonan kewarganegaraan.

KONFLIK RUMAH- TANGGA DAN PENYELE- SAIAN

Taklimat Konflik Rumahtangga anjuran LPPKN

Shah Alam • 22 Mac

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor telah mengadakan taklimat konflik rumah tangga anjuran oleh LPPKN. Pelbagai topik telah dibincangkan berkaitan dengan masalah rumahtangga dan kaedah untuk mengatasinya. Antaranya adalah mengenalpasti tahap-tahap konflik dalam rumahtangga. Seramai 23 kakitangan JPN yang turut terlibat dalam taklimat berkenaan.



AKTIVITI NEGERI

PERHIMPUNAN DAN DIALOG JPNT

Program Perhimpunan Bulanan dan Majlis Dialog Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Terengganu (JPNT)



Terengganu • 16 Januari

Pihak Pengurusan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu telah mengadakan Program Perhimpunan Bulanan dan Majlis Dialog pada 16 Januari 2019 (Rabu) bertempat di Bilik



Mesyuarat JPN Negeri Terengganu. Urusetia perhimpunan bulanan kali ini daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Program ini dirasmikan oleh Encik Mohamad Nasir Bin Kareem, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu.

PANGGILAN KAABAH

Majlis solat hajat, doa selamat dan tahlil sempena keberangkatan En. Mohamad Nasir Bin Kareem ke Tanah Suci Mekkah



Terengganu • 31 Januari

Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Terengganu telah mengadakan Majlis Solat Hajat sempena keberangkatan En. Mohamad Nasir Bin Kareem ke Tanah Suci Mekkah pada 9.1.2019 bertempat di surau JPN Kuala Terengganu pada jam 1.00 petang. Majlis dimulai dengan bacaan Yassin, Solat Hajat dan Doa Selamat.

PULAU REDANG OUTREACH

Kemudahan kepada penduduk Pulau Redang yang sukar untuk hadir ke Pejabat JPN bagi membuat sebarang urusan kad pengenalan, sijil kelahiran Mykid baru/gantian serta Perkhidmatan Mobile Ehsan.



Terengganu • 19 Februari

Program JPN Outreach berlangsung di Dewan Sekolah Kebangsaan Pulau Redang, Kuala Nerus, Terengganu. Seramai 4 orang kakitangan JPN Negeri Terengganu terlibat di dalam menjayakan program kali ini. Tujuan utama JPN Negeri Terengganu mengadakan program ini adalah untuk memberi kemudahan kepada penduduk Pulau Redang yang sukar untuk hadir ke Pejabat JPN bagi membuat sebarang

urusan kad pengenalan, sijil kelahiran Mykid baru/gantian serta Perkhidmatan Mobile Ehsan.

Program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penduduk setempat tentang langkah-langkah penjagaan kad pengenalan. Pada masa yang sama, diadakan penerangan berkenaan urusan utama JPN dan khidmat nasihat tentang info-info terkini kepada penduduk setempat.

PROGRAM HARI BERTEMU RAKYAT DAERAH KUDAT

Kudat • 5 Mac

Program Hari Bertemu Rakyat Daerah Kudat Tahun 2019 telah diadakan di Dewan Tun Mustapha, Kudat. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Ben Chong Chen Bin, Pembantu Menteri Perdagangan Dan Perindustrian, Kementerian Perdagangan Dan Perindustrian. Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah telah dijemput untuk mengadakan pameran serta membuka kaunter pertanyaan sempena program ini. Seramai 4 orang kakitangan dari ibupejabat JPN Negeri Sabah bersama Ketua Pejabat JPN Daerah Kudat telah hadir.

SEKALUNG KASIH, SEJUTA MAKNA

Program Sekalung Kasih, Sejuta Makna Anjuran Unit Khas Bergerak, JPN Sabah



Sepanggar • 30 Mac

Unit Khas Bergerak, Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah telah menganjurkan Program Sekalung Kasih, Sejuta Makna di Kampung Gentisan, Sepanggar. Turut hadir bersama dalam program ini YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, YBrs. Mohamad Khir Bin Mat Lazim, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan), Datuk Ismail Bin Ahmad, Pengarah Pendaftaran Negara, Negeri Sabah, Tuan Daim Gunting, Pengarah Pendaftaran Negara, Wilayah Persekutuan Labuan, Adrian Allan Richard, Timbalan Pengarah Pendaftaran Negara, Negeri Sabah dan bersama kakitangan JPN Negeri Sabah.

MANGSA KEBAKARAN-DAPAT MYKAD

W.P Labuan, 15 Februari

Mesyuarat penutup dan pembentangan laporan Audit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2015 BIL. 1/2019 JPN Negeri Sabah dan W.P Labuan. Mesyuarat dihadiri oleh Ybhg. Dato' Mohammad Razin Bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia, YBrs. Datuk Ismail Bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah, YBrs. Tuan Jasni Bin HJ. Jubli, mantan Pengarah Jabatan Pendaftaran

Negara, Negeri Sarawak, YBrs. Tuan Daim Bin Gunting, Pengarah W.P Labuan, Ketua-Ketua Bahagian serta Ketua-Ketua Pejabat Cawangan JPN Sabah dan para panel penilai Audit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2015 dari Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Tujuan program ini diadakan adalah sebagai mesyuarat penutup dan pembentangan Laporan Audit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2015 BIL.1/2019 JPN Negeri Sabah dan JPN W.P Labuan yang berlangsung pada 12 Februari 2019

SIMPANAN MASA HADAPAN

*Jemputan ke majlis pelancaran dan sidang media
Endowment Fund Program (EFP) anjuran kerajaan Negeri
Sarawak*



Kuching • 29 Januari

Majlis Sidang Media sempena pelancaran Endowment Fund Program (EFP) anjuran kerajaan Negeri Sarawak yang telah diadakan di Jabatan Wanita & Pembangunan Keluarga Sarawak, bertempat di Kompleks Kerajaan Negeri Sarawak (Masja). Antara tetamu kehormat yang hadir adalah YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Wanita, dan Pembangunan Keluarga Negeri Sarawak sekaligus merasmikan majlis tersebut. Yang turut hadir adalah Timbalan Pengarah JPN Sarawak, Puan Hajiawati Binti Tambi, Pegawai - pegawai serta kakitangan JPN Sarawak.

Endowment Fund Scheme ini mempunyai dana sebanyak RM40 juta untuk tahun ini bagi memenuhi keperluan anggaran 40 000 kelahiran bayi di Sarawak untuk tahun ini sahaja.

Dana Endowment Fund Scheme Sarawak ini hanya akan dapat dikeluarkan apabila bayi tersebut berumur 18 tahun, sesuai bagi keperluan seseorang remaja yang beralih dari zaman persekolahan ke peringkat kolej dan universiti yang kebiasaannya menelan belanja yang lebih besar.

Bagi mereka yang tidak melanjutkan pelajaran pula, mereka boleh menggunakan wang tersebut sebagai modal perniagaan ataupun memasuki bidang bidang lain yang dipilih penerima ketika mereka berusia 18 tahun.

Pada majlis tersebut, sebanyak 55 siji Endowment Fund Sarawak dikeluarkan untuk bayi bayi yang lahir sekitar 1 ke 7 Januari 2019 di sekitar Kuching sebagai simbolik pelancaran skim tersebut.

TIJAU CAWANGAN SARAWAK

Kuching • 8 Februari



Ibu Pejabat JPN Sarawak telah mengadakan lawatan ke pejabat-pejabat cawangan JPN bagi meninjau keadaan di kaunter operasi. Antara yang turut serta dalam lawatan ini adalah Ybrs. Tuan Jasni Bin Jubli, (PPN), Puan Hajjawati Bt. Tambi (Timb. Pengarah JPNS), Ketua Pejabat, Ketua Bahagian serta Kakitangan Unit Pengurusan.

Tujuan lawatan ini dibuat adalah bagi penambahbaikan perkhidmatan serta membina hubungan baik dengan kakitangan pejabat cawangan.

SALAM PERPISAHAN DAN TERIMA KASIH

Majlis Clockout Tuan Jasni Bin Hj Jubli sebagai Pengarah Pendaftaran Negara Negeri Sarawak.



Kuching • 28 Februari



Hari ini merupakan hari yang terakhir bagi Tuan Jasni b Hj Jubli untuk memegang jawatan sebagai Pengarah Pendaftaran Negara Negeri Sarawak. Beliau telah ditugaskan untuk mengemudi tampuk pimpinan di jabatan lain iaitu Suruhanjaya Pilihanraya Sarawak bermula 1 Mac 2019. Sepanjang beliau berkhidmat, amat banyak khidmat bakti, idea, dan sumbangan yang telah beliau curahkan untuk Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak khususnya JPN Sarawak

MAKAN MALAM BERSAMA TKSU KDN

Majlis makan malam bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Kawalan dan Daftar) Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Dato' Wan Ahmad Dahlan b Hj Abdul Aziz



Kuching • 26 Mac

Majlis makan malam bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Kawalan dan Daftar) Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Dato' Wan Ahmad Dahlan b Hj Abdul Aziz yang telah berlangsung pada 26 Mac 2019. Kedatangan beliau ke Sarawak adalah untuk menghadiri Mesyuarat Kewarganegaraan yang berlangsung keesokan harinya bersama YB Dato Sri



Hajah Fatimah Abdullah Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak bersama Bahagian Kewarganegaraan Negeri Sarawak di Wisma Wanita. Dikesempatan itu, kedatangan beliau juga adalah untuk beramah mesra serta mengucapkan tahniah kepada Tuan Abang Noraffian b Hj abang Ibrahim selaku PPN Sarawak yang baru.

PERHIMPUNAN BULANAN MAC

Pengarah Pendaftaran Negeri yang baru, Tuan Abang Noraffian b Hj Abang Ibrahim, lapor diri.

Kuching • 25 Mac

Perhimpunan bulanan kali ini tampak berbeza dengan perhimpunan yang sebelum ini kerana dihadiri oleh Pengarah Pendaftaran Negeri yang baru, Tuan Abang Noraffian b Hj Abang Ibrahim yang melapor diri pada hari yang sama. Beliau memegang tampuk pimpinan JPN Sarawak bermula 25 Mac 2019 bersamaan 18 Rejab 1440H. Majlis ini juga PPN menyerahkan piala yang dimenangi sewaktu Festival Warisan Kebudayaan (FWK 2019) dan penghargaan kepada Pekerja Cemerlang Bulanan yang diberikan kepada Pn. Aidafinawati.

BENGGKEL JURUAUDIT EKSA-DIY

Bengkel Juruaudit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA-DIY) telah diadakan dengan kerjasama dengan pihak MAMPU



Kuala Lumpur • 29 Januari

Satu Bengkel Juruaudit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA-DIY) telah diadakan dengan kerjasama dengan pihak MAMPU pada 29 Januari 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 2, Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur. Bengkel ini dijalankan untuk melatih Juruaudit Dalam EkSA-DIY JPN. Penceramah EKSA diketuai oleh Puan Zuasma Binti Yahaya selaku Penolong Pengarah Kanan MAMPU dengan kehadiran Juruaudit Dalam JPN seramai 20 kakitangan. Selain itu, satu simulasi pengauditan EKSA-DIY telah diadakan di JPN WPKL

PANTAU PORTFOLIO

Lawatan Pemantauan Penyediaan myPortfolio

Kuala Lumpur • 13 Februari

Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) Cawangan UTC Kuala Lumpur telah menerima lawatan dari MAMPU bagi pemantauan penyediaan myPortfolio. JPN WPKL merupakan agensi barisan hadapan yang terpilih untuk dibantu bagi penyediaan myPortfolio seperti keputusan Mesyuarat Khas KSU-KP pada 16 Ogos 2018. Oleh yang demikian, tujuan lawatan ini adalah untuk memantau, menilai kesiapsagaan dan membantu agensi dalam penyediaan myPortfolio.

MAJLIS BACAAN YASIN JPN KL

Kuala Lumpur, 15 Februari

Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin yang dihadiri oleh Tuan Pengarah bersama pegawai dan kakitangan dari Bahagian JPN WPKL. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memohon keberkatan, mendoakan kesejahteraan pegawai dan kakitangan JPN, merapatkan hubungan silaturrahim sesama pegawai dan kakitangan JPN, disamping menghadihkan doa-doa kepada kedua ibubapa, sanak-saudara, anak-anak, sahabat-handai dan semua kenalan yang telah meninggal dunia. Semoga Allah mencucuri rahmat dan menempatkan roh mereka dalam golongan hambaNya yang beriman.

PERKAHWINAN HARI KEKASIH

Upacara perkahwinan bagi bukan islam sempena hari



Kuala Lumpur · 14 Februari

Jabatan Pendaftaran Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN WPKL) Cawangan Seputeh telah menjalankan upacara perkahwinan bagi bukan Islam di premis JPN. Pada 14 Februari 2019 bersempena Hari Valentine, JPN WPKL Cawangan Seputeh telah menerima sebanyak 4 pasangan yang berkahwin pada hari itu.

buletin

Majalah Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara

